

can," tambah-nya.

Sa-orang juruchakap Akademi Taekwondo Singapura yang enggan nama-nya di-sebutkan berkata : "Adalah tidak mungkin orang2 yang berniat jahat dapat terus menguasai seni itu dengan baik."

"Ini adalah kerana orang2 yang mengikut kursus Taekwondo harus mempunyai sifat tabah, disiplin dan mengawal diri dan tidak semua orang mempunyai stail2 itu."

Dengan itu kata-nya, orang2 yang degil, pemarah dan tidak bertanggung jawab sahaja-lah yang "akan terhichir" dari mengikut kursus itu, kerana tidak tahan mematohi tita terhith yang dikenakan oleh seni Korea itu.

Juruchakap itu bagaimanapun bersejaju agar kawalan2 dibuat ka-atas seni mempertahankan diri demi untuk menjaga disiplin masyarakat dan tatar seni itu.

Daftar semua ahli-ahli senisilat di-Singapura

SAVA telah membaca dengan teliti ucapan Encik Shari Tadin dan ulasan-ulasan yang di-utarakan berhubung dengan perkembangan senisilat yang begitu berleluasa di sini sekarang.

Dalam hal ini saya bersejaju bebah dengan pendapat Chenderawasih yang mengatakan bahawa di zaman nenek moyang kita dulu, tidak mudah seseorang itu hendak mempelajari senisilat.

Mereka terpaksa melahui berbagai ujian dan percubaan sebelum seni itu dapat diperturunkan kepadanya. Itupun dia mestilah merupakan orang yang benar-benar dipercayai oleh Tok Guru.

Tetapi pada zaman ini, terutama sejak akhir-akhir ini, perkembangan senisilat begitu pesat sekali. Yang lebih banyak nampaknya bukanlah orang-orang yang mempelajari senisilat Melayu. Muda-mudi nampaknya berlumba-lumba mempelajari senisilat seperti karate, taekwondo, judo jujitsu dan kumtow.

Dari segi ini, saya kira, pelajaran senisilat Melayu itu tidaklah seberapa berleluasanya berbanding dengan senisilat yang telah saya katakan tadi.

Kita dapat melihat bahawa senisilat Melayu masih juga merupakan perkara yang sukar hendak dipelajari. Kalau saya tidak silap, cuma ada satu dua badan Melayu saja yang membuka kelas-kelas atau kursus

kursus senisilat. Itupun khas untuk anggotangotanya sendiri.

Tidak ada sekolah senisilat Melayu seperti sekolah-sekolah senisilat karate, judo, taekwondo, jujitsu dan sebagainya yang tunboh seperti cendawan sebagaimana yang dikatakan oleh Encik Shari itu. Dengan lain-lain perkataan, senisilat Melayu masih lagi terkawal.

Walaupun bagaimanapun, untuk berlaku adil, maka saya menyokong penuh ura-ura supaya Pemerintah menggubal undang-undang dengan segera bagi mengawal perkembangan senisilat ini. Bertindaklah Pemerintah sekarang, sebelum keadaan menjadi bahawa dan tidak terkawal lagi kelak.

Dalam hal ini, saya ingin mengesyorkan supaya di masa depan, semua orang yang hendak mengajar atau belajar sesuatu senisilat itu mestilah mendaftarkan nama dengan pihak yang berkuasa.

Seperti di Jepun, menurut kata Encik Shari, seseorang yang memegang "talipینگang" talipینگang tertentu mendaftarkan nama dengan balai polis yang terdekat dengan rumahnya.

Salah satu yang perlu dikawal ialah menjamin agar senisilat yang membahayakan itu tidak terlepas kepada orang-orang jahat seperti sam-sing atau gengster. Mereka yang mempunyai ilmu senisilat ini samalah seperti orang yang

membawa senjata. Kalau senjata itu tidak dijaga dan tidak dikawal betul, maka binasalah padanya.

Oleh yang demikian saya berseru sekali lagi kepada Pemerintah supaya jangan teragak-agak bertindak mengawal undang-undang bagi mengawal senisilat itu

ANAK HARMAMU,
Jalan Batu,